

Metode Akidah Golongan Mu‘Tadilah Berkenaan Sifat Khabariyyah: Suatu Pengenalan

[The Method of Beliefs of The Mu'tadilah Regarding The Nature of Khabariyyah: An Introduction]

Nasron Yaacob¹

¹ (Corresponding author) Department of Usuluddin, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730, Malaysia, e-mail: drnasron@gmail.com

ABSTRACT

In understanding the khabariyyah nature of Allah SWT, Muslims among the Ahli Sunnah wal Jamaah have had a difference of opinion in determining the method of belief between the methods of ithbat, ta'wil and tafwid. This dispute has been going on for a long time and has taken a very long time until today. However, there are still several Muslims who still believe in the point of unity through the unification of the ummah between all the conflicting methods. The study of the article here names the group of peacemakers as the mu'tadilah group, which is simple and open to understanding the nature of khabariyyah. This study's objective is to identify the method of mu'tadilah belief in the issue of the nature of Allah SWT's khabariyyah, which sets the goal of reaching a point of commonality and the unification of faith among Muslims. This study uses a qualitative approach through a content analysis research design, which analyses documentation materials such as articles, books, journals, proceedings and written reports. The results found that the mu'tadilah method is simple among the methods of ithbat, ta'wil and tafwid. Even if a specific figure adheres to a particular faith method, other methods are still considered and accepted as part of the Ahli Sunnah wal Jamaah faith. Therefore, the mu'tadilah belief method is considered the ideal and best method of unifying the ummah. This study is expected to be able to ease the long-standing belief method dispute between the methods of ithbat, ta'wil and tafwid through this simple mu'tadilah thought as advocated by Islam, further realising the unification of the ummah as aspired to.

Keywords; Method, Creed, Mu'tadilah, Character of Khabariyyah.

ABSTRAK

Dalam memahami sifat khabariyyah Allah SWT, umat Islam kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah telah berselisih pandangan dalam menentukan metode akidahnya antara metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Perselisihan ini telah berlangsung sekian lama dan

memakan masa yang sangat panjang sehingga ke hari ini. Namun begitu masih ada sebilangan umat Islam yang tetap percaya pada titik kesatuan melalui wadah penyatuan ummah antara semua metode yang berselisih tersebut. Kajian ini menamakan kumpulan pendamai itu sebagai golongan *mu'tadilah*, yang bersifat sederhana dan terbuka dalam memahami sifat *khabariyyah*. Objektif kajian ialah mengenal pasti metode akidah *mu'tadilah* dalam isu sifat *khabariyyah* Allah SWT bagi mencapai titik persamaan dan penyatuan akidah dalam kalangan umat Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian analisis kandungan, iaitu analisis terhadap bahan dokumentasi seperti artikel, buku, jurnal, prosiding dan laporan bertulis. Hasil kajian mendapati bahawa metode *mu'tadilah* ialah metode yang sederhana di antara metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Walaupun seseorang tokoh itu berpegang dengan metode akidah pilihannya yang tertentu, namun metode akidah lain juga masih diterima sebagai sebahagian daripada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Justeru metode akidah *mu'tadilah* ini dilihat sebagai metode penyatuan ummah yang ideal dan terbaik. Kajian ini diharap dapat meredakan pertikaian metode akidah yang sekian lama berlanjutan antara metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* melalui pemikiran *mu'tadilah* yang sederhana ini seperti yang dianjurkan oleh Islam, seterusnya merealisasikan usaha penyatuan ummah sebagaimana yang dicita-citakan.

Kata kunci; Metode, Akidah, Mu'tadilah, Sifat Khabariyyah

How to Cite:

- | | |
|------------------------|---|
| Received : 31-03-2023 | Yaacob, N. (2023). Metode Akidah Golongan Mu'tadilah |
| Accepted : 27-05-2023 | Berkenaan Sifat Khabariyyah: Suatu Pengenalan. |
| Published : 31-05-2023 | <i>RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge</i> , 4(1), 37-53. |

1. Pendahuluan

Sifat *khabariyyah* Allah SWT merupakan satu isu yang menjadi perselisihan yang panjang dan lama di antara aliran-aliran akidah umat Islam. Dalam kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah sendiri ia telah mengakibatkan lahirnya tiga metode akidah utama iaitu metode *ithbat*, *tafwid* dan *ta'wil*. Setiap daripada tiga metode tersebut menjadikan metode mereka sebagai prinsip dan dasar akidah utama dalam penilaian terhadap pemahaman isu sifat *khabariyyah*. Walaupun demikian, masih ada kalangan umat Islam yang melihat bahawa bersikap sederhana dalam isu seumpama ini menjadi keutamaan mereka yang disifatkan sebagai tuntutan Islam. Dengan pendekatan sederhana, setiap daripada tiga metode tersebut masih dianggap sebagai sebahagian daripada aliran Ahli Sunnah wal Jamaah.

Tajuk artikel ini ialah; Metode Akidah Golongan *Mu'tadilah* Berkenaan Sifat *Khabariyyah*. Metode bermaksud cara melakukan sesuatu atau sistem. Istilah lainnya ialah metodologi yang bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan,

disiplin dan sebagainya. Akidah bererti kepercayaan dan keyakinan, dan golongan ialah kumpulan dan kelompok manusia (Noresah et al, 2000). *Mu'tadilah* ialah perkataan Arab daripada *i'tidal* yang bermaksud sederhana (Ibn Manzur, 1999). Sifat *khabariyyah* pula ialah merujuk pada sifat-sifat Allah SWT yang hanya diberitahu oleh wahyu al-Quran dan hadis sahih sahaja yang tidak dapat dijangkakan hakikatnya oleh rasional akal (al-Bayhaqi, 2004). Objektif penulisan artikel ini ialah mengenal pasti metode akidah golongan yang mengamalkan pendekatan *mu'tadilah* terhadap sifat *khabariyyah* Allah SWT bagi mencapai titik persamaan dan penyatuhan akidah dalam kalangan umat Islam yang berselisih pendapat tentangnya. Penilaian terhadap aliran *mu'tadilah* ini akan dinilai kelestariannya berdasarkan dalil-dalil wahyu dan hadis. Ia menjadi prinsip yang kukuh untuk menyatakan rasionalistiknya aliran berpendekatan sederhana berbanding metode-metode yang berbeza pendapat.

Persoalan kajian adalah mengenai prinsip golongan *mu'tadilah* yang menepati pendekatan wahyu yang ideal dan sederhana. Prinsip ini juga menjadi penilai terhadap sikap sederhana di antara metode akidah umat Islam yang berlainan pendapat itu. Artikel ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan tersebut. Sumbangan hasil kajian ini ialah mengharmonikan hubungan akidah di antara umat Islam yang berlainan metode akidah terhadap sifat *khabariyyah* dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Selain itu, artikel ini juga membentangkan sifat sederhana yang ditunjukkan sendiri oleh metode *mu'tadilah* dalam menyantuni kerukunan akidah umat Islam. Sikap seumpama inilah yang perlu dicontohi dan diteladani oleh umat Islam hari ini, kerana sikap fanatik melampau sebenarnya adalah bercanggah dengan ajaran akidah Islam sendiri.

2. Metodologi Kajian

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan berdasarkan kuantiti (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Skop kajian adalah berkenaan metode akidah aliran *mu'tadilah* dalam Islam berkenaan sifat *khabariyyah* Allah SWT. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini ialah melalui dokumen-dokumen yang dapat memberikan maklumat yang relevan kepada masalah kajian. Contoh dokumen yang digunakan ialah buku, artikel, prosiding yang berautoriti. Kaedah analisis data pula melibatkan proses pemerhatian, merekod, mengumpul, memilih, mengasing data dan memahami bila ia akan digunakan.


Reka bentuk kajian adalah analisis kandungan. Analisis kandungan bertujuan menganalisis dokumen-dokumen dengan prosedur yang sistematik bagi menjelaskan kandungan sesebuah komunikasi.. Dokumen-dokumen yang dianalisis melibatkan artikel, buku, laporan dan prosiding bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenal pasti metode kefahaman golongan *mu'tadilah* terhadap sifat *khabariyyah*.

3. Dapatan Kajian

Isu metode sifat *khabariyyah* Allah SWT merupakan isu yang sangat serius dalam kalangan umat Islam. Dalam kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah sendiri melahirkan tiga metode iaitu *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Setiap metode itu hanya menyakini metode mereka sahaja menepati ajaran akidah. Situasi ini menimbulkan fitnah dan budaya tuduh menuduh di antara pendokong-pendokong metode yang berselisih pandangan. Walau bagaimanapun, kajian artikel mendapati masih ada sebilangan umat Islam yang percaya adanya titik persamaan dan persefahaman antara metode-metode tersebut. Kunci utama persefahaman ialah berpegang dengan sikap sederhana atau *mu'tadilah*. Hakikat ini diakui dan dipraktikkan sendiri oleh tokoh-tokoh ulama dan pendakwah muktabar seperti al-Wasiti, al-Safarini, al-Qasimi, Hasan al-Banna dan al-Qaradawi.

Prinsip dalam pendekatan *mu'tadilah* yang menjadi rujukan tokoh-tokoh ini adalah bersikap sederhana, mengakui kesahihan semua metode dalam Ahli Sunnah wal Jamaah, konsisten dengan satu metode pilihan daripada tiga metode, dan mengutamakan kesatuan ummah melebihi perselisihan pendapat dalam perkara *ijtihad*. Pendekatan *mu'tadilah* yang diutarakan ini bertujuan memenuhi tuntutan penyatuan ummah sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Kriterianya adalah berdasarkan seruan penyatuan oleh agama sendiri. Penekanan konsep kesatuan melalui persaudaraan Islam, menghayati larangan dan peringatan al-Quran mengenai bahaya pertelingkahan dan perbalahan, dan memahami hakikat perselisihan adalah hanya dalam isu *ijtihad* sahaja.

Prinsip dan kriteria penyatuan ummah oleh metode *mu'tadilah* yang disebutkan tadi dilakarkan dalam Graf 1, berikut:



4. Perbincangan

Perbincangan artikel ini berkenaan tajuk di atas adalah berkaitan topik-topik seperti yang dinyatakan di bawah ini:

4.1 Sifat Khabariyyah

Al-Bayhaqi (2004) membahagikan sifat Allah SWT kepada dua kategori iaitu sifat *dhat* (zat) yang azali, dan sifat *fi'l* (perbuatan) yang tidak azali. Kedua-dua kategori ini disebutkan oleh wahyu sama ada berdasarkan pendalilan akal, atau pendalilan khabar wahyu tanpa tanggapan akal. Sifat zat yang berdalil akal ialah seperti *hayah* (hidup), *qudrat* (berkuasa), *ilm* (berilmu), *iradah* (berkehendak), *sama'* (mendengar), *basar* (melihat), *kalam* (berbicara) dan seumpamanya. Sifat *fi'l* (perbuatan) berdalilkan akal ialah seperti *khalaq* (ciptaan), *rizq* (rezeki), *ihya'* (menghidupkan), *imatah* (mematikan), *'afw* (memaaafkan), *uqubah* (pembalasan) dan seumpamanya. Sifat zat dan *fi'l* yang berdalilkan akal bermaksud ia boleh diakui oleh logik akal bahawa Allah sememangnya layak bersifat dengan semua sifat tersebut.

Sifat yang disebutkan oleh wahyu berdasarkan pendalilan khabar wahyu pula adalah dimaksudkan sebagai sifat *khabariyyah* bagi Allah SWT. Ia beralasan bahawa sifat seumpama ini tidak dapat diterima logiknya oleh akal kerana makna zahirnya menyerupai dengan sifat makhluk, sedang Allah SWT tidak menyerupaiNya sesuatu pun oleh makhluk. Sifat zat *khabariyyah* ialah seperti *wajh* (wajah), *yadain* (dua tangan), *'ayn* (mata) dan seumpamanya. Manakala sifat *fi'l khabariyyah* pula ialah seperti *istiwa'* (bersemayam), *ityan* (datang), *nuzul* (turun) dan seumpamanya (al-Bayhaqi, 2004).

4.2 Perselisihan Sifat Khabariyyah

Umat Islam telah berselisih pendapat mengenai metode untuk memahami sifat *khabariyyah*. Perselisihan ini melahirkan empat aliran akidah, iaitu *mushabbiyah* atau *mujassimah*, *mu'attilah*, Salaf dan Khalaf (al-Banna, 1992). Dua aliran terawal adalah bersalah dengan akidah Islam, iaitu *mushabbiyah* atau *mujassimah* dan *mu'attilah*. Aliran *mushabbiyah* atau *mujassimah* ialah fahaman yang menyamakan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk (Husin et al, 1991). Sedang aliran *mu'attilah* pula ialah fahaman yang menafikan sifat-sifat daripada Allah seperti Muktazilah dan Jahmiyyah (al-Baghdadi, 1997). Manakala dua aliran terakhir iaitu Salaf dan Khalaf adalah mewakili dan menepati metode yang dibenarkan oleh akidah Islam. Salaf merujuk tiga generasi terawal umat Islam iaitu Sahabah RA, Tabi'in dan Tabi' Tabi'in. Khalaf pula ialah generasi yang datang selepas berakhirnya period Salaf, iaitu secara umumnya selepas tiga ratus tahun Hijrah (Yaacob, N. 2022). Malah metode Salaf dan Khalaf ini dikategorikan sebagai metode akidah dalam Ahli Sunnah wal Jamaah (al-Qaradawi, 2005).

Merujuk kepada para ulama yang beraliran Salaf dan Khalaf, perselisihan mereka ini adalah berdasarkan ayat al-Quran:

وَمَا يَعْلَمُ تَوْلِيهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّسُولُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ إِمَّا بِهِ كُلُّ مَنْ عِنْدَ رَبِّنَا

Terjemahan: Padahal tiada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksud *mutashabihat* yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama berkata: “Kami beriman kepadanya, semuanya itu datang daripada sisi Tuhan kami”. (Surah Ali ‘Imran, 3: 7)

Secara umumnya, Salaf menyatakan bahawa hanya Allah SWT yang mengetahui takwil *mutashabihat* tadi, sedang Khalaf pula menyatakan bahawa ulama yang mendalaminya juga mengetahui takwilan tersebut. Perselisihan ini diharmonikan oleh Ibn Kathir (1994) bahawa apa dimaksudkan hanya Allah sahaja mengetahuinya ialah berkenaan hakikat sebenar ayat *mutashabihat* tersebut, sedang pengetahuan tentang tafsirannya adalah boleh diketahui oleh ulama yang mendalam ilmunya. Antara kandungan ayat *mutashabihat* ini ialah sifat *khabariyyah*, sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Khattabi (1934), al-Razi (1986), dan al-Sayuti (1987).

i) Aliran Ahli Sunnah wal Jamaah

Ahli Sunnah wal Jamaah adalah nama aliran yang dirujuk pada hadis Nabi SAW berkenaan satu aliran yang terselamat dari neraka daripada tujuh puluh tiga aliran umat Islam (Riwayat Ibn Hibban, No 6247). Aliran ini menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai landasan utama metode agama Islam. Walaupun rujukan agama adalah satu, namun kefahamannya melalui ijтиhad telah membawa umat Islam kepada perbezaan metode dalam kefahaman agama. Dari sudut akidah khususnya berkaitan sifat *khabariyyah*, umat Islam beraliran Ahli Sunnah wal Jamaah berpecah kepada tiga metode iaitu *ithbat*, *ta’wil* dan *tafwid*.

ii) Metode Aliran Ahli Sunnah wal Jamaah

Metode *ithbat*, *ta’wil* dan *tafwid* memahami sifat *khabariyyah* dengan kefahaman yang tersendiri. Contohnya sifat *istiwa’* diithbatkan menurut keterangan zahirnya sebagaimana yang selayaknya dengan keagungan Allah SWT, tanpa menyerupai dan menyamai sifat makhluk. Metode *ta’wil* pula dipakai pada sifat *yad* (tangan), *wajh* (wajah), *ayn* (mata) dan seumpamanya dengan pendekatan *tanzih* (penyucian) Allah SWT daripada sifat makhluk. Manakala kebanyakan sifat *dhatiyyah* dan *fi’liyyah* Allah SWT difahami secara metode *tafwid* (al-Qaradawi, 2005). Tetapi permasalahan yang timbul

ialah apabila setiap metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* hanya mendeklarasikan metode masing-masing sahaja sebagai metode sebenar Ahli Sunnah wal Jamaah. Melalui karya penulisan tokoh-tokoh pendokong, setiap metode mempunyai dalil-dalil wahyu yang dihuraikan dengan ijtihad yang rasional. Ia menyebabkan kewujudan blok-blok metode yang berasingan dan bercanggahan antara satu sama lain. Kerana itu kemunculan metode *mu'tadilah* adalah untuk mengenangkan sikap sederhana dan berlapang dada dengan dalil-dalil wahyu yang dipegangi oleh setiap metode tersebut.

4.3 Golongan Mu'tadilah

Nama *mu'tadilah* merujuk kepada perkataan dalam bahasa Arab iaitu *i'tidal*, yang bermaksud keadaan pertengahan di antara dua keadaan (Ibn Manzur, 1999). Golongan *mu'tadilah* yang dimaksudkan di sini ialah golongan daripada kalangan ulama yang mengambil pendekatan dan metode sederhana dan harmoni dalam isu sifat *khabariyyah* di antara metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Antara tokoh ulama yang mengutarakan idea dan metode *mu'tadilah* ini ialah sebagaimana yang disenaraikan oleh al-Qaradawi (2005), iaitu al-Wasiti, al-Safarini, al-Qasimi, Muhammad Rashid Reda dan Hasan al-Banna.

i) Al-Wasiti

Nama sebenarnya ialah Ahmad bin Ibrahim bin Abd al-Rahman al-Wasiti. Dilahirkan pada tahun 657H di Wasit, iaitu satu penempatan di antara Kufah dan Basrah, Iraq. Al-Zahabi menggelarkannya dengan *Syaikh Qudwah* (guru teladan), manakala Ibn Taymiyyah memanggilnya sebagai Junayd pada eranya, sebagai membandingkan ketokohnannya dengan Imam Junayd yang masyhur sebelumnya. Beliau meninggal dunia pada tahun 711H di Damsyik, Syria. Usaha mengharmonikan metode antara Salaf dan Khalaf oleh al-Wasiti dinyatakan secara jelas dalam karyanya *al-Nasihah*.

Metode sederhana dan *mu'tadilahnya* ini disentuh dalam kupasan tajuk sifat '*uluw* (tinggi), *fawqiyah* (di atas), dan *istiwa'* (bersemayam). Beliau mengakui tekanan dan kecamuk kuat yang dirasai ketika berbicara berkenaan perselisihan pendapat di antara aliran-aliran akidah yang ada ketika berbicara tentang tiga sifat ini. Beliau juga mengakui bahawa akal yang benar pasti menolak takwilan *istiwa'* sebagai *istila'* (menguasai), sebagaimana juga penolakan terhadap *tashbih* (penyerupaan) dan *tamthil* (penyamaan) pada sifat Allah (al-Wasiti, 1985). Metode sederhananya antara *ta'wil* dan *ithbat* ini menjelaskan konsep kesederhanaan yang dibawanya dalam memahami isu sifat *khabariyyah* Allah SWT.

ii) Al-Safarini

Beliau adalah Muhammad bin Ahmad al-Safarini, meninggal dunia pada tahun 1188H. Dalam membawakan pendekatan sederhana dalam akidah, beliau menyenaraikan tiga aliran yang berada dalam aliran Ahli Sunnah wal Jamaah iaitu Athariyyah, Asha'irah dan Maturidiyyah. Aliran Athariyyah adalah yang diketuai oleh Ahmad bin Hanbal, yang juga dikenali dengan gelaran aliran Ahl al-Hadith (al-Safarini, 1991). Aliran Athariyyah pada hari ini dirujuk kepada Salafi (Muhammadin, 2014) yang menggunakan metode *ithbat* dalam pemahaman akidah. Dalam beberapa tempat dalam karyanya, al-Safarini merujuk pendapat al-Ghazali, Ibn Taymiyyah, al-Ash'ari secara bersama tanpa rasa prejudis. Sikap yang harmoni terhadap tokoh-tokoh metode ini menggambarkan kesederhanaannya dalam bermetodekan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.

iii) Al-Qasimi

Muhammad Jamaluddin al-Qasimi (1957) meninggal dunia pada tahun 1332H, menyatakan pendapat melalui kitabnya Mahasin al-Ta'wil. Beliau berbicara tentang Allah yang datang, sedang malaikat berbaris-baris, sebagaimana tafsiran ayat 22 surah al-Fajr. Al-Qasimi (1957) menyebutkan tentang perbezaan tafsiran di antara Salaf dan Khalaf berdasarkan metode masing-masing. Metode Salaf mentafsirkan datangnya Allah adalah sebagaimana yang disebutkan dengan makna zahir nas, tetapi dengan makna yang selayaknya dengan keagungan-Nya. Manakala Khalaf pula mentafsirkannya dengan *mudhaf* (sandaran) yang di-*hadhaf*-kan (dihilangkan), iaitu perintah dan keputusan-Nya.

Mudhaf yang dihilangkan itu adalah bertujuan menimbulkan rasa gerun ketika disebut Allah sendiri yang datang, atau digunakan salah satu ilmu balaghah dalam bahasa Arab iaitu *isti'arah tamthiliyyah* bagi menunjukkan bukti kekuasaan-Nya, atau menerangkan bukti penundukan dan kekuatan-Nya. Justeru perbezaan tafsiran itu hanyalah dalam bentuk lafaz sahaja, kerana Khalaf berpegang bahawa makna zahir tidak diperlukan. Sedang Salaf pula memahami makna zahir sifat itu yang tidak menyerupai dengan sifat-Nya kerana ia hanya sesuai dengan keagungan-Nya, seperti sifat ilmu dan kekuasaan.

iv) Muhammad Rashid Reda

Beliau lahir di Qalamun, Lubnan pada tahun 1865 dan meninggal dunia pada 1935. Dikenali sebagai tokoh pembaharuan pemikiran umat Islam yang seangkatan dengan pelopor gerakan reformis oleh Jamaluddin Afghani dan Muhammad Abduh. Dalam isu perselisihan umat Islam tentang sifat *khabariyyah* ini, Muhammad Rashid Reda (1367H) menyatakan melalui tafsir al-Manarnya secara panjang lebar bahawa ia hanyalah perselisihan zahir sahaja. Maka perselisihan tersebut tidaklah terlalu jauh untuk umat Islam

kembali kepada perdamaian akidah dan menerima toleransi dan kesederhanaan dalam memahami metodenya.

Walaupun Muhammad Rashid Reda secara umumnya cenderung dengan pendapat Salaf yang dibawa oleh Ibn Taymiyyah, namun metodenya masih jelas dengan pendekatan sederhana apabila masih menerima pandangan aliran Khalaf dalam sesetengah isu. Beliau menyatakan sesetengah *tashbih* (penyerupaan) boleh mendatangkan fitnah yang liar, sebagaimana sesetengah takwilan Khalaf dapat menghilangkan sebahagian keraguan yang menyesatkan. Justeru pendekatan Muhammad Rashid Reda adalah sederhana dan seimbang di antara *nassi* (nas) dan *fikri* (fikiran) yang dianggap mudah diterima oleh kebanyakan umat Islam (Abdullah, M. & Ibrahim. A. Z, 2010).

v) Hasan al-Banna

Hasan al-Banna lahir pada 14 Oktober 1906 dan meninggal dunia pada 12 Februari 1949. Beliau adalah pemimpin pertama gerakan al-Ikhwan al-Muslimin yang diasaskannya di Mesir dan berjaya mengembangkan pengaruhnya ke seluruh dunia Islam. Melalui dakwahnya dan gerakan al-Ikhwan al-Muslimun, Hasan al-Banna menekankan tentang keperluan dan kepentingan penyatuan ummah mengatasi perselisihan pendapat khususnya mengenai sifat *khabariyyah* antara umat Islam. Walaupun beliau sendiri bermetodekan Salaf dalam isu ini, namun umat Islam menurutnya perlu terbuka untuk menerima metode Khalaf dan takwil yang dipegangi oleh sebahagian mereka yang lain. Ini kerana metode Salaf dan Khalaf adalah metode yang masih berada di atas landasan akidah Islam yang diiktiraf oleh Islam (Yaacob M.N, 2020). Pandangan harmoni Hasan al-Banna ini dapat disaksikan dalam karya akidahnya iaitu Risalah al-‘Aqa’id yang membawakan semangat kesatuan ummah melalui perspektif akidah Islam yang sebenar (al-Banna, 1992). Al-Qaradawi (2005) yang memuji pendekatan Hasan al-Banna ini menjenamakannya sebagai pendekatan membina ummah, dan bukan pendekatan meruntuh dan memecahbelahkan kesatuan umat Islam.

vi) Al-Qaradawi

Beliau adalah Yusuf bin Abdullah al-Qaradawi, lahir pada 9 September 1926 dan meninggal dunia pada 26 September 2022. Melalui karyanya Fusul fi al-‘Aqidah Bayn al-Salaf wa al-Khalaf, al-Qaradawi (2005) meletakkan metode Salaf dan Khalaf terhadap sifat *khabariyyah* di atas landasan sunnah yang sama. Semua metode akidah *ithbat*, *ta’wil* dan *tafwid* adalah termasuk dalam aliran Ahli Sunnah wal Jamaah. Setiap metode yang berselisih itu tidak berhak mendakwa hanya metodenya sahaja yang benar dan bertepatan dengan wahyu. Malah al-Qaradawi mendakwa bahawa ketiga-tiga metode ini sudah diperaktikkan sejak generasi Sahabat RA, Tabiin dan Tabi‘ Tabiin lagi. kerana

itu metode akidah peribadi al-Qaradawi terhadap sifat *khabariyyah* tidak sama dengan gurunya Hasan al-Banna, bagi membuktikan bahawa perbezaan ijтиhad itu tidak sepatutnya mengakibatkan penyuburan tuduhan fasik dan kufur yang memecah-belahan kesatuan umat Islam yang bernaung di bawah satu akidah dan kepercayaan.

4.4 Prinsip Metode

Berdasarkan pembentangan tentang tokoh-tokoh aliran *mu'tadilah* seperti di atas, dapatlah dirumuskan prinsip-prinsip aliran yang dipegangi:

i) Sederhana

Pendekatan metode *mu'tadilah* adalah mengambil sikap sederhana dan pertengahan di antara metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Walaupun pendokong metode *mu'tadilah* sendiri berpegang dengan metode pilihannya, namun tidak bermakna metode lawannya adalah salah. Sikap ini berlainan dengan sikap kebanyakan pendokong metode-metode yang berselisih itu. Mereka akan saling menghukum antara satu sama lain dengan hukuman negatif menurut agama dan akidah. Hukuman yang dilontarkan itu akan disertakan dengan dalil-dalil wahyu bagi menguatkan metode yang didokongnya. Sedang bagi metode *mu'tadilah*, pendalilan wahyu sendiri adalah sekadar untuk rujukan dan panduan yang tidak semestinya ia sudah muktamad selagi mana ada ruang untuk diijtihadkan (al-Qaradawi, 2005). Justeru itu prinsip sederhana ini sebenarnya menjadi teras utama cara hidup bersyariah umat Islam, seperti yang diakui oleh terjemahan ayat al-Quran berikut:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى الْأَنْسَابِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Terjemahan: Dan demikianlah Kami jadikan kamu satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi pemberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan salah), dan Rasulullah pula menjadi penerang kebenaran perbuatan kamu. (Surah al-Baqarah, 2: 143)

ii) Mengakui kesahihan semua metode berkenaan

Metode *mu'tadilah* yang berpegang dengan prinsip kesederhanaan akan menerima dan mengakui kesahihan metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* yang tergolong dalam kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah (al-Safarini, 1991). Rasional dakwaan ketiga-tiga metode ini tergolong dalam Ahli Sunnah wal Jamaah ialah kerana rujukan muktamad setiap metode ialah al-Quran dan al-Sunnah. Perbezaannya ialah dari sudut penilaian pada zahir nas atau pentakwilannya, yang juga berasaskan ijtihad Sahabat RA dan para ulama

muktabar pada ayat 7 surah Al-'Imran. Kelonggaran rujukan pada wahyulah mengeluarkan aliran Muktazilah, Shi'ah, Khawarij dan seumpamanya daripada kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah. Maka kesahihan metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* sebagai sebahagian daripada Ahli Sunnah wal Jamaah adalah kerana rujukan asasi ialah pada al-Quran dan al-Sunnah. Rujukan inilah yang dimaksudkan oleh terjemahan hadis berikut:

وَقَتْرِقُ أُمَّتِي عَلَىٰ ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَّةً كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً وَاحِدَةً قَالُوا مَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟
قَالَ: مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي.

Terjemahan: Dan umatku berpecah kepada tujuh puluh tiga aliran, semuanya dalam neraka kecuali satu aliran sahaja. Mereka bertanyasiapakah itu ya Rasulullah? Jawab Nabi: Apa yang aku dan sahabatku berada di atasnya.
[*Jami' al-Tirmidhi*, no hadis: 2641, Dinilai *hasanoleh* al-Tirmidhi]

iii) Berpegang dengan satu metode pilihan

Walaupun pendokong metode *mu'tadilah* menerima kesahihan metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*, namun tidak dinafikan bahawa mereka juga berpegang pada metode pilihan sendiri. Al-Quran telah menyatakan hakikat ini melalui terjemahan berikut:

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِنْ قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ

Terjemahan: Allah tidak sekali-kali menjadikan seseorang mempunyai dua hati dalam rongga dadanya. (Surah al-Ahzab, 33: 4)

Kebanyakan tokoh-tokoh *mu'tadilah* yang disebutkan di atas didapati lebih cenderung untuk berpegang dengan metode Salaf. Apa yang menariknya ialah tentang al-Qaradawi (2005) di mana beliau mengakui aliran akidahnya ialah Salaf. Tetapi Salafnya di sini tidak hanya di antara *ithbat* atau *tafwid* semata-mata, bahkan mengakui kesahihan metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid* secara bersama mengikut kesesuaian dengan sifat *khabariyyah* yang berkaitan. Kerana generasi Salaf sebenarnya menurut al-Qaradawi pernah mempraktikkan ketiga-tiga metode tersebut berdasarkan sifat *khabariyyah* yang bersesuaian dengannya. Selain itu juga, prinsip berpegang pada satu metode sebagai pilihan peribadi adalah menepati fitrah semula jadi yang ada dalam diri setiap insan.

iv) Mengutamakan kesatuan ummah

Dalam meraikan perbezaan pendapat di antara metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*, metode *mu'tadilah* meletakkan keutamaan kesatuan umat Islam

sebagai agenda ummah yang paling penting. Sandarannya pada terjemahan firman Allah SWT berikut:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُرُوا نَعْمَتْ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءَ فَأَلَّفَّ
بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْرَانًا

Terjemahan: Dan berpegang teguhlah kamu sekelian pada tali Allah, dan janganlah bercerai-berai, dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliah) lalu Allah menyatukan di antara hati-hati kamu maka jadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. (Surah Ali‘Imran, 3: 103)

Pegangan terhadap peringatan al-Quran atau tali Allah ini sepatutnya menjadikan umat Islam bersatu padu (Ibn Kathir, 1994), antaranya melalui cara mengharmonikan perselisihan pendapat yang ada. Berlakunya kefanatikan dalam perselisihan pendapat menggambarkan umat Islam sendiri terpesong daripada arahan al-Quran ini. Namun perlu difahami bahawa prinsip ini hanya dipraktikkan dalam skop isu dan permasalahan (*furu ‘iyah*) yang boleh diijtihadkan sahaja, dan tidak berkaitan dengan perkara asas dan dasar agama (*thawabit*). Justeru, prinsip *mu’tadilah* ini adalah selaras dengan *Qa‘idah al-Manar al-Dhahabiyyah* (Kaedah Emas al-Manar) oleh Muhammad Rashid Reda (1912):

نَتَعَاوَنُ عَلَى مَا نَنْفَقَ عَلَيْهِ وَيَعْذِرُ بَعْضُنَا بَعْضًا فِيمَا نَخْتَلِفُ فِيهِ

Terjemahan: Kita saling menolong pada perkara yang disepakati, dan berlapang dada pada perkara yang kita perselisihkan.

4.5 Tuntutan Penyatuan Ummah

Ketika umat Islam berbeza pandangan tentang sifat *khabariyyah*, pendekatan dan metode *mu’tadilah* hadir untuk mengharmonikan perselisihan pendapat antara *ithbat*, *ta’wil* dan *tafwid*. Matlamat utama metode *mu’tadilah* ialah meredakan ketegangan pandangan umat Islam yang berselisihan, dan memupuk kesatuan ummah yang utuh berlandaskan akidah Islam yang sebenar. Alasan dan dalil yang dijelaskan di bawah ini cuba menyokong pendekatan *mu’tadilah* sebagai bukti ia adalah metode yang ideal dan terbaik, serta menepati konsep dakwah dalam Islam.

i) Seruan penyatuan

Islam menggesa umatnya bersatu dalam penyatuan agama yang berlandaskan ajaran wahyu yang sebenar. Realiti ini digambarkan dalam ayat 103 surah Al-'Imran yang lalu, dan juga dalam terjemahan berikut:

فُلْ يَاهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَا تَعْبُدُ إِلَّا اللَّهُ وَلَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا
وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مَنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلُّوْ فَقُولُوا أَشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita tidak menyembah selain Allah, dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatupun, dan janganlah sebahagian kita mengambil sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain Allah. (Al-'Imran, 3: 64)

Ayat ini menyeru ahli kitab Yahudi dan Nasrani agar kembali kepada keimanan dan akidah yang sebenarnya daripada Allah SWT, selepas berlaku penyelewengan akidah dalam agama mereka (Ibn Kathir, 1994). Jika seruan sebegini layak ditujukan kepada ahli kitab yang berlainan agama dengan umat Islam, maka keutamaan seruan penyatuan ini adalah lebih layak lagi diserukan kepada umat Islam yang hanya berbeza pendapat dalam isu ijтиhad, tetapi tetap bersama dalam satu akidah dan kepercayaan. Justeru berbeza pandangan dalam isu ijтиhad bukan penghalang dan perosak kepada proses penyatuan ummah.

ii) Konsep kesatuan

Al-Quran menjelaskan konsep kesatuan melalui proses persaudaraan merupakan hakikat utama yang diajarkan oleh akidah Islam.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوْ فَاصْلِحُو بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu. (al-Hujurat, 49: 10)

Persaudaraan dalam Islam memiliki ciri-ciri yang perlu dipelihara dan dijaga. Kerana itu kalau ada perselisihan pendapatpun tidaklah membawa kepada permusuhan yang parah dan terkeluar daripada batasan akhlak persaudaraan Islam. Maka sikap sederhana adalah sikap ideal dan tepat untuk dikaitkan dengan konsep kesatuan dan persaudaraan Islam.

iii) Larangan pertelingkahan

Perselisihan dan pertelingkahan tentang isu ijтиhad seperti sifat *khabariyyah* pada hari ini telah membawa kepada lahirnya pelbagai tuduhan dan penjenamaan yang tidak sepatutnya. Padahal al-Quran telah lama memperingatkan umat Islam kejelekhan sikap bertelingkah seumpama ini (Ibn Kathir, 1994):

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ظَاهَرَ عَلَىٰ مِنْهُمْ أَنَّهُمْ لَا يَسْخَرُونَ مِنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِنْهُمْ وَلَا يَسْأَءُونَ مِنْ نِسَاءٍ
عَسَىٰ أَنْ يَكُنَّ خَيْرًا مِنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوهُنَّ أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابِرُوهُنَّ بِالْأَلْقَبِ إِنَّمَا الظُّنُونُ
بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah satu puak mencemuh kaum yang lain kerana harus puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka, ... dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain, dan janganlah kamu panggil memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran buruk, amat buruklah sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah dia beriman, dan sesiapa yang tidak bertaubat maka merekaalah orang-orang yang zalim. (al-Hujurat, 49: 11)

Umat Islam perlu berfikir dan memuhasabah diri, betapa banyak dan kejinya gelaran dan jenama yang berlegar dalam kalangan ummah masa kini, hanya kerana perbezaan pendapat dalam isu ijтиhad yang tidak diputuskan secara jelas dan nyata oleh nas wahyu. Malah para ulama terdahulu menyatakan hukum *bid'ah* dan *mujassimah* adalah berdasarkan ilmu untuk tujuan peringatan dan dakwah, tetapi disalahgunakan oleh umat Islam hari ini dengan mengutamakan matlamat untuk memenangkan metode yang dipegangnya semata-mata dan/bagi mengatasi metode-metode musuhnya.

iv) Perselisihan ijтиhad pada isu akidah

Menurut al-Qaradawi (2005), perkara akidah merupakan asas dan rukun agama yang tidak ada ruang untuk diijtihadkan, kerana ia adalah ketentuan Allah SWT. Maka mengingkari dan mempertikaikannya termasuklah melalui ijтиhad akan menjerumuskan seseorang kepada kekufturan. Namun, sebahagian daripada perkara akidah sebenarnya adalah dikategorikan sebagai *furu'* (cabang) dalam akidah, yang boleh diijtihadkan oleh ummah.

Al-Qaradawi menegaskan antara perkara yang merupakan *furu'* (cabang) akidah ialah sifat *khabariyyah* Allah SWT, sebagaimana yang telah lama dibincangkan oleh para ulama sebelum ini daripada aliran *mufawwidin* (pendokong *tafwid*), *muthabbitin* (pendokong *ithbat*) dan *mu'awwilin* (pendokong *ta'wil*). Malah tiga kumpulan ulama yang disebutkan ini adalah daripada generasi Salaf sendiri. Justeru itu tidak sepatutnya isu sifat *khabariyyah* ini menjadi punca perpecahan dan saling memberikan gelaran

buruk kepada sesama umat Islam, kerana ia masih berlegar dalam skop ijтиhad yang dibenarkan syarak untuk berbeza pandangan mengenainya.

إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ قَلْهُ أَجْرٌ، وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ

Terjemahan: Apabila hakim berhukum lalu berijtihad dan betul maka baginya dua pahala, dan apabila dia berhukum dengan ijtihad tetapi salah maka baginya satu pahala. [Sahih al-Bukhari, no hadis: 7352, Dinilai sahih oleh al-Albani]

5. Kesimpulan

Dalam memahami sifat *khabariyyah* Allah SWT, umat Islam berselisih pandangan kepada pandangan yang berbeza. Dalam kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah sendiri, umat Islam berbeza pendapat sehingga melahirkan metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Perselisihan ini menimbulkan ketegangan hubungan, dan menimbulkan gelaran-gelaran yang tidak sopan sesama umat Islam. Metode *ithbat* membawakan pendekatan mengisbatkan sifat *khabariyyah* sebagaimana yang dinyatakan oleh zahir nas wahyu, sebagaimana yang selayaknya dengan keagungan Allah SWT. Manakala metode *ta'wil* menegaskan keperluan kepada pendekatan takwil agar sifat *khabariyyah* tidak difahami sebagaimana yang difahami pada makhluk, kerana ia adalah bercanggah dengan ajaran akidah Islam. Metode *tafwid* pula menyeru pada penyerahan makna dalam nas sifat *khabariyyah* tersebut kepada Allah SWT, kerana Dialah sahaja yang maha mengetahui makna sebenarnya.

Untuk mengharmonikan pertelingkahan ini, muncul metode *mu'tadilah* di tangan tokoh-tokoh ulama yang berpengaruh. Metode *mu'tadilah* datang dengan prinsip kesederhanaan dalam metode, mengakui kesahihan ketiga-tiga metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*, mengakui keperluan individu kepada satu metode pilihan di antara metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*, dan mendeklarasikan keperluan kepada keutamaan kesatuan ummah mengatasi perselisihan metode akidah ini. Tujuan daripada prinsip metode *mu'tadilah* ialah untuk mencapai kehendak al-Quran berkenaan penyatuan ummah yang perlu diberikan perhatian oleh umat Islam. Umat Islam juga perlu memahami konsep sebenar kesatuan ummah yang dipupuk oleh Islam melalui semangat persaudaraan. Bagi mengekalkan umat Islam dalam semangat persaudaraan dan kesatuan ummah, Islam milarang dan menegah daripada pertelingkahan dan perbalahan termasuklah yang berkaitan dengan perkara ijtihad dalam akidah. Yang jelasnya ialah isu sifat *khabariyyah* merupakan isu ijtihad yang tidak perlu menjadi sebab kepada perpecahan dan perbalahan dalam kalangan umat Islam.

Rujukan

- Abdullah, M., & Ibrahim, A. Z. (2010). Tawhid Uluhiyyah, Rububiyyah dan al-Asma' wa al-Sifat Menurut Tafsiran Muhammad Rasyid Rida dalam *Tafsir al-Manar*. *Jurnal Usuluddin*, 31, 49-64.
- Al-Baghdadi, A. Q. (1997). *Al-Farq Bayn al-Firaq*. Ta'liq: Ibrahim Ramadan. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Banna, H. (1992). Risalah al-'Aqa'id, dalam: *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Shahid Hasan Al-Banna*, Kaherah: Dar al-Shihab.
- Al-Bayhaqi, A. H. (2004). *Al-Asma' wa al-Sifat*. Tahqiq: Nasir bin al-Najjar al-Dumyati. Mansurah: Dar Ibn Rajab.
- Al-Bukhari, M. I (1998). *Sahih al-Bukhari*. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Khattabi, H. M. (1934). *Ma'alim al-Sunan*. Tashih: Muhammad Raghib al-Tabbakh. Halab: Matba'ah al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Y. (2005). *Fusul fi al-'Aqidah Bayn al-Salaf wa al-Khalaf*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qasimi, M. J. (1957). *Mahasin al-Ta'wil*. Tahqiq: Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Razi, F. D. (1986). *Asas al-Taqdis*. Tahqiq: Ahmad Hijaziy al-Saqa. Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Al-Safarini, M. A. (1991). *Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah wa Sawati' al-Asrar al-Athariyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Sayuti, A. R. (1987). *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Ta'liq: Mustafa Dib al-Bugha. Damshik: Dar Ibn Kathir.
- Al-Sijistani, S. A. (1420H). *Sunan Abi Dawud*. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Tirmidhi, M. I. (1999). *Jami' al-Tirmidhi*. Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Wasiti, A. I. (1985). *Al-Nasihah fi Sifat al-Rabb Jalla wa 'Ala*. Tahqiq: Zuhayr al-Shawish. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Husin, A. S. et al. (1991). *Istilah Usuluddin Dan Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Hibban, A. B. (1993). *Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Balban*. Tahqiq: Syu'ayb al-Arna'ut. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibn Kathir, I. (1994). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Tahqiq: 'Abd al-Qadir al-Arna'ut. Damsyik: Dar al-Fayha'.
- Ibn Manzur (1999). *Lisan al-'Arab*. Tashih: Amin Muhammad 'Abd al-Wahhab & Muhammad al-Sadiq al-'Ubaydi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muhammadin, M. (2014). SIKAP ULAMA SALAF TERHADAP AHLUL BID'AH. *Jurnal Ilmu Agama: Mengkaji Doktrin, Pemikiran, dan Fenomena Agama*, 15(2), 117-125.
- Reda, M. R. (1912). Al-Jami'atan al-Islamiyyah wa al-'Uthmaniyyah. *Al-Manar*. jld. 15, juz. 11, 833.
- Reda, M. R. (1947). *Tafsir al-Manar*. Kaherah: Dar al-Manar.
- Yaacob, M. N. (2020). Metode akidah Hasan al-Bannā terhadap sifat khabariyyah Allah SWT: Hasan al-Bannā's faith method for Allah's khabariyyah attributes. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 335-346.
- Yaacob, N. (2022). Aliran Akidah Umat Islam Terhadap Sifat Khabariyyah: The Sect of Belief among Muslims on the Attribute of Khabariyyah. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(2), 50-67.